

17 MAR 1999

Mahathir-Umno

UMNO PECAT ENAM ANGGOTA KERANA JADI CALON DAN SOKONG PEMBANGKANG

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno malam ini membuat keputusan memecat lima anggota parti kerana menjadi calon pembangkang dan calon bebas pada pilihan raya negeri Sabah 12 dan 13 Mac lepas.

Umno juga membuat keputusan memecat seorang lagi anggotanya kerana menyokong parti pembangkang pada pilihan raya itu, demikian diumumkan oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempengerusikan mesyuarat MT di sini.

Mereka ialah Abdul Rahman Yaakob, Mazri atau Murudi Nasir, Abdillah Abdul Amid, Cleftus Sipaun Mojingul dan Ridi Ali Wangsa.

Turut dipecat ialah Ansari Abdullah yang menyokong parti pembangkang semasa pilihan raya Sabah.

Nama-nama mereka itu dibacakan oleh Naib Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Pengerusi bersama Jawatankuasa Pengurusan dan Displin parti.

Mahathir berkata mereka tidak boleh membuat rayuan untuk menjadi anggota parti semula kecuali Ansari.

Bila ditanya sama ada tindakan akan diambil terhadap Mohamed Ezam Mohamed Noor, bekas setiausaha politik bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kembali ke tanah air selepas kira-kira enam bulan berada diluar negara dan memburukkan kerajaan dan pemimpin, Dr Mahathir berkata ini terpulang kepada Peguam Negara.

"Saya rasa ini terpulang kepada Peguam Negara sama ada dia menyalahi undang-undang atau tidak, sama ada tindakan perlu diambil atau tidak," katanya.

Dr Mahathir berkata mesyuarat MT juga mengucapkan tahniah kepada Umno dan Barisan Nasional Sabah atas kemenangan parti dalam pilihan raya negeri berkenaan.

BN memenangi 31 daripada 48 kerusi pada pilihan raya negeri itu. Daripada jumlah yang dimenangi BN, Umno memenangi kesemua 24 kerusi yang ditandinginya.

Katanya mesyuarat MT turut mengucapkan tahniah kepada Ketua Menteri Sabah, Datuk Osu Haji Sukam atas pelantikan beliau memegang jawatan itu mengikut sistem penggiliran ketua menteri yang diperkenalkan BN.

-- BERNAMA

TM LAT